

Udang Kerpan masuki pasaran Eropah

JERLUN 22 Jun – Ternakan udang harimau di Kerpan, di sini yang diusahakan oleh sebuah syarikat, Blue Archipelago Bhd. bercadang meneroka pasaran Eropah menjelang Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Shahridan Faiez Mohideen Abdul Kader berkata, sebuah kilang memproses udang harimau segar telah siap dibina dan mampu memproses 20 tan udang segar setiap hari.

"Kilang memproses udang harimau mentah ini bernilai kira-kira RM20 juta dan mampu mengeluarkan udang segar mengikut piawaian yang ditetapkan untuk pasaran luar negara.

"Udang harimau adalah lebih segar kerana ia terus di proses sebaik sahaja dituai daripada kolam," kata beliau selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Program Pembangunan Kemahiran Akuakultur di antara Blue Archipelago Bhd. dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini baru-baru ini.

Hadir pada majlis Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Ladang udang harimau Kerpan itu yang berkeluasan 463 hektar mempunyai 226 kolam sepanjang 3 kilometer dengan kelebaran 1.5 kilometer (km) selain dilengkapi dengan sistem pengairan sepanjang 2.8 km ke Selat Melaka.

Menurut Shahridan, Blue Archipelago telah menerima nombor pendaftaran daripada Kesatuan Eropah (EU) bagi membolehkan udang tersebut dieksport terus ke pasaran Eropah.

"Selain pasaran Eropah, udang harimau yang siap diproses di ladang berkenaan juga akan dieksport ke Amerika Syarikat dan Jepun.

"Udang-udang ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pemintas makanan laut di luar negara," katanya.

Jelasnya, pengeluaran optimum ladang udang harimau Kerpan adalah antara 1,500 tan hingga 2,000 tan udang harimau


setahun, manakala sebanyak 4,000 tan hingga 6,000 tan udang putih setahun.

Shahridan berkata, ladang yang beroperasi sejak 15 tahun lalu itu, telah diambil alih oleh Blue Archipelago Bhd. pada 1 Januari tahun lalu.

"Kami telah melakukan aktiviti membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur di ladang ini.

"Kami juga telah membentuk struktur organisasi yang berlandaskan pasukan-pasukan operasi, sokongan dan pengurusan yang mantap bagi memastikan pengeluaran udang harimau mencapai tahap maksimum," katanya.

Selain itu, kata beliau, untuk memastikan perjalanan transformasi ladang udang harimau di Kerpan berjalan mengikut perancangan, pihaknya telah memeterai perjanjian Program Pembangunan Kemahiran Akuakultur dengan UPM untuk membantu mengadakan program pembangunan untuk 200 pekerja di ladang tersebut.



SHAHRIDAN Faiez Mohideen Abdul Kader (kiri) bertukar dokumen dengan wakil Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Abu Bakar Salleh pada majlis menandatangani perjanjian program persijilan kemahiran akuakultur udang Blue Archipelago Bhd. dan UPM sambil diperhatikan oleh Nor Mohamed Yakcop dan Mukhriz Mahathir di Jerlun, Kedah, semalam.